

Oleh Aizat Sharif  
am@hmetro.com.my  
Kangar

Seorang ibu tidak sangka hasrat anak lelakinya yang baru berusia 26 tahun mahu menderma organ menjadi kenyataan dalam tempoh lima tahun.

Normadiah Ismail, 53, dari Kodiang, Kedah, berkata, anaknya Mohd Nor Akmal Nordin pernah berikrar untuk menderma organ pada 2011 namun tidak menduga berlaku dalam tempoh singkat.

Akmal yang bekerja sebagai pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UITM) Perlis di Arau meninggalkan dunia jam 6.30 pagi semalam di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di sini, sebelum buah pinggang dan jantungnya diberikan kepada penerima di Kuala Lumpur walaupun ibunya berat menerima keputusan berkenaan pada peringkat awal.

Justeru, kata Normadiah, dia sungguh terharu apabila dimaklumkan seorang lagi anaknya, Akram, 22, bahawa arwah mengingatkannya bahawa dia berikrar untuk menderma organ jika nyawanya diambil Tuhan.

Dia menyifatkan tekad dibuat Akmal begitu murni demi memastikan organ berkenaan dapat digunakan bakal penerima yang amat memerlukan.

"Ketika itu, Akram menjaga abangnya itu yang terlantar di HTF selepas terbabit dalam kemalangan motosikal Ahad lalu di Tambun Tulang.

"Kami sekeluarga memang terkejut apabila dimaklumkan Akmal pergi menemui Ilahi pagi tadi (semalam) kerana jika dilihat pada pandangan mata kasar, tiada kecederaan, cuma doktor memaklumkan anak saya mengalami pendarahan otak,"katanya ketika ditemui

# BERBAKTI SELEPAS TIADA NYAWA

- Hasrat pemuda derma organ lima tahun dahulu tercapai selepas terbabit kemalangan
- Mangsa terlantar di katil ingatkan adik supaya hajatnya disempurnakan seandainya dia meninggal

“ Kami sekeluarga memang terkejut apabila dimaklumkan Akmal pergi menemui Ilahi pagi tadi (semalam) kerana jika dilihat pada pandangan mata kasar, tiada kecederaan, cuma doktor memaklumkan anak saya mengalami pendarahan otak”

Normadiah Ismail

Mohd Nor Akmal meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya yang dialami pembedahan penderma organ di HTF Kuala Lumpur semalam

